

07/08/1998

Fama kaji import biji gajus, jagung

PETALING JAYA, Khamis - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menjalankan kajian bagi menilai potensi mengimport biji gajus dan jagung dari Mozambique untuk diproses semula di negara ini.

Menteri Pertanian, Datuk Sulaiman Daud, berkata Fama akan menilai potensi import biji gajus dan jagung dari negara Afrika itu untuk diproses semula bagi kegunaan dalam negara atau dieksport semula dalam bentuk makanan siap.

Menurutnya, kajian Fama itu selaras dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta usahawan Malaysia membuat pelaburan jangka panjang di Mozambique dalam sektor pertanian, janakuasa, infrastruktur, perlombongan dan penerokaan hutan asli.

Beliau berkata, Fama akan mengkaji kos pemprosesan semula biji gajus bagi memastikan ia lebih berbaloi berbanding mengimport biji gajus siap diproses.

"Kita akan membuat penilaian bagi memastikan pemprosesan biji gajus dan jagung di negara ini dengan kos efektif," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Wisma Angkasa Kelana Jaya, di sini hari ini.

(END)